

11/07/2001

Kerajaan timbang beli pesawat Russia

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan sedang menimbang untuk membeli pesawat pejuang Sukhoi 30 buatan Rusia bagi meningkatkan keupayaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pesawat itu dikatakan yang paling berteknologi tinggi dan setaraf jet pejuang Amerika Syarikat, F22.

Menurut sumber industri, Rusia menawarkan pesawat itu pada harga yang lebih murah kerana sebahagian kos pembeliannya dibiayai menerusi sistem tukar beli minyak sawit.

Beliau berkata, perkara berkenaan dijangka dibincangkan sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negara itu September ini.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir dijangka mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Rusia, Ilya Klebanov, Menteri Luar, Igor Ivanov dan Menteri Pembangunan Ekonomi dan Perdagangan, German Gref.

Selain agenda kerjasama di bidang pertahanan, perdagangan dan ekonomi, perbincangan juga ditumpukan kepada hasil mesyuarat Menteri Luar Asean di Hanoi, minggu depan.

(END)